

10/03/1997

Pemuda beri biasiswa RM626,000

LANGKAWI, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno menyumbang biasiswa bernilai RM626,000 kepada Liga Pemuda Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), dari Afrika Selatan bagi melatih 50 anggota pertubuhan itu di negara ini.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata mereka akan dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran untuk tempoh tertentu sama ada secara formal atau sebaliknya.

Katanya, sumbangan itu bagi meningkatkan hubungan antara kedua-dua pertubuhan terbabit.

"Sumbangan biasiswa itu adalah bantuan awal Pemuda Umno kepada Liga Pemuda ANC melalui Perjanjian Persefahaman yang kami tandatangani.

"Usaha itu dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishamudin Tun Hussien Onn," katanya.

(END)